

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 MEI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Sasar negara berpendapatan tinggi pada 2026-2028



Sasar negara berpendapatan tinggi pada 2026-2028

Malaysia mampu mencapai status negara berpendapatan tinggi di antara tahun 2026 hingga 2028 hasil daripada pembaharuan semula struktur utama negara.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata tempoh dua tahun akan datang adalah kunci untuk melancarkan pembaharuan struktur secara fiskal dari segi campuran ekonomi dan peralihan tenaga.

“Saya fikir terdapat juga keyakinan kerana buat kali pertama dalam tempoh satu generasi, kita mempunyai kerajaan dengan majoriti mudah.

“Jadi kita telah mengalami peralihan politik dalam tempoh lima tahun lalu. Oleh itu, terdapat banyak keterujaan, pembaharuan struktur utama untuk membawa kita merentasi status negara berpendapatan tinggi.

“Maka kami (Malaysia) dijangka, untuk mencapai (status negara berpendapatan tinggi) di antara 2026 dan 2028,” katanya.

Rafizi berkata, pihaknya cukup memahami bahawa kerajaan perlu berfokuskan kepada sektor dan dalam tempoh enam bulan terakhir sejak menjadi kerajaan, pihaknya telah menumpukan kepada peralihan tenaga.

“Oleh itu, kami telah membuat beberapa perubahan dasar utama termasuk sebagai contoh, dalam beberapa bulan akan datang, Malaysia akan melancarkan pasaran pertukaran tenaga boleh diperbaharui serantau yang akan memudahkan dan mempercepatkan tenaga boleh diperbaharui merentas sempadan.

“Negara mempunyai situasi yang mana Malaysia secara geografi terletak di tengah-tengah untuk seluruh rantau.

“Dan anda mempunyai tanah besar di utara dengan banyak potensi tenaga boleh diperbaharui (RE), tetapi terdapat banyak juga permintaan RE di Malaysia dan di Singapura dan Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menghubungkan seluruh wilayah,” katanya.

Beliau berkata, disebabkan itu beliau fikir beberapa keputusan penting perlu dibuat dan dasar lalu adalah untuk membangunkan pasaran negara secara organik terlebih dahulu, supaya dapat membina kapasiti di dalam negara.

“Kami telah mengambil langkah yang sangat berani untuk memimpin ke arah pertukaran tenaga serantau di rantau ini.

Jadi saya fikir kerana itu, itu seperti yang saya katakan, kita perlu meningkatkan kapasiti kita kira-kira 11 kali ganda dalam tempoh 20 tahun akan datang.

“Dan untuk itu berlaku, kita perlu melabur AS\$150 bilion dalam infrastruktur dalam tempoh 20 tahun akan datang.

“Jadi semua ini kami sangat tertumpu pada peralihan tenaga. Saya fikir ia memberi petanda baik kepada rantau ini serta pelabur serta meningkatkan peralihan kami daripada sektor pembuatan bernilai sederhana kepada pemimpin bernilai tinggi dalam tenaga,” katanya.